

15/09/2003

SPNB bina 12,000 rumah mampu milik

Sazarina Shahrim

KUALA LUMPUR: Golongan berpendapatan rendah dan sederhana termasuk graduan dan mereka yang baru berumah tangga mampu memiliki rumah berkualiti di kawasan Lembah Klang melalui projek Koridor Pembangunan Lembah Klang Utara (KPLKU) dibangunkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) tidak lama lagi.

SPNB dalam satu kenyataan berkata, projek contoh berasaskan konsep baru itu akan dilaksanakan di atas tanah seluas 400 hektar milik Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Sungai Buloh, Selangor, membabitkan 12,000 rumah mampu milik yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kos sederhana.

Menurut kenyataan itu, KPLKU akan dibangunkan berhampiran pusat bandar dan merangkumi jaringan kemudahan yang selesa termasuk jalan ekspres ke pusat bandar. Setiap rumah yang akan di bina dalam projek itu berharga kurang daripada RM100,000 dengan sekurang-kurangnya tiga bilik tidur dan dua bilik air.

"Projek ini akan terbahagi kepada 10 presint dan sebanyak 12 unit rumah akan dibangunkan dalam setiap 0.4 hektar tanah," katanya.

Menurut kenyataan itu juga, konsep presint digunakan untuk memastikan dalam jangka panjang tiada lagi perbezaan kawasan dan bentuk perumahan antara golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Katanya, KPLKU dibangunkan untuk memenuhi keperluan mendapatkan rumah murah yang semakin meningkat di samping menambahkan pembangunan seumpama itu yang dilakukan oleh sektor swasta.

"Selain itu, projek ini akan dapat mengurangkan perpindahan penduduk Lembah Klang ke negeri berdekatan dan mampu menjimatkan masa perjalanan ke tempat kerja," katanya.

Selain menyediakan rumah berkualiti, katanya, SPNB juga komited dalam menyediakan kemudahan seperti perkhidmatan pengangkutan awam, pusat beli-belah, kemudahan riadah termasuk taman dan padang permainan dan dewan orang ramai.

Bagi tujuan keselamatan, kesihatan, keagamaan dan pendidikan, SPNB turut menyediakan balai polis, balai bomba, pusat kesihatan dan sukan, masjid termasuk kawasan perkuburan dan sekolah rendah dan menengah.

Projek Koridor Pembangunan Lembah Klang Utara itu adalah contoh projek pengambil alihan pembinaan rumah kos rendah oleh kerajaan daripada syarikat pemaju swasta bagi memastikan pembinaan rumah berkenaan memenuhi permintaan.

Dalam Bajet 2004, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keputusan kerajaan memberi pilihan kepada syarikat pemaju swasta sama ada mahu membina sendiri 30 peratus rumah kos rendah yang disyaratkan atau menyerahkannya kepada kerajaan, melalui SPNB.

Pemaju swasta boleh melaksanakan pilihan itu dengan menyumbang kepada SPNB untuk membiayai projek yang dibangunkan syarikat milik kerajaan itu, seperti projek di Sungai Buloh berkenaan.